

Majalah bulanan  
terbit tiap-tiap  
awal bulan Masihi.

# Qalam

Bilangan yang pertama ini diterbitkan  
awal Hari Raya dan yang kedua  
pada awal bulan September.

---

Bilangan 1 - Syawal 1369 - Julai-Ogos 1950 - Senaskhah 50 sen

---

## SELAMAT BERHARI RAYA AIDIL FITRI

---

-----\*-----\*

*Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar – Allahuakbar walillah ilhamd.*  
Biinayatillah wataufiqihi dengan berkat hari baik bulan  
baik ini dan dengan penamatnya bulan yang diberkati Tuhan  
di dalamnya, maka dengan galakan dan semangat daripada kenalan-kenalan  
dan sahabat handai yang gemarkan kepada kemajuan maka  
dapatlah syarikat Qalam menyusun jari yang sepuluh dengan rupa  
yang baharu dan gembira mempersesembahkan suatu sumbangan  
baharu pula iaitu sebuah majalah bulanan Melayu yang  
mengandungi tawarikh, kebudayaan, kesenian, citra dan segala  
rupa ilmu pengetahuan yang berfaedah bagi umum, dengan nama  
“Qalam” – Qalam yang akan merakamkan segala perubahan, Qalam  
yang akan merakamkan segala kemajuan, Qalam yang akan merakamkan  
segala usaha yang membawa kebahagiaan kepada agama, bangsa dan  
nusa.

Sebagaimana juga ditubuhkan syarikat ini dengan nama  
Qalam yang daripadanya mengambil sempena daripada dua ayat,  
*Iqra' warabbuka 'l akram allazi allama bi 'lqalam* (Bacalah - ya Muhammad  
- Tuhan engkau amat pemurah, yang mengajar menulis dengan pena  
(qalam) dan “*Nun wal qalam wamā yasturūn*” (Nun, demi pena  
dan apa-apa yang mereka tuliskan) Maka majalah ini dengan  
mengambil sempena itu juga kita menerbitkan di dalam masa

merayakan Aidil Fitri yang di dalamnya pada bulan Ramadhan, bulan  
yang diberkati Tuhan itu telah diturunkan Quran yang mulia untuk  
memimpin dunia berbakti kepada Ilahi - mengikut barang yang diperintah-  
menjauhkannya barang yang ditegah dengan sempena itulah kita  
berharap dengan pertolongan Allah kelak mudah-mudahan majalah  
Qalam ini akan dapat memberi khidmat kepada umum.

Tujuan kita menerbitkan majalah Qalam ini bukanlah  
tujuan hendak bertanding, bukanlah hendak berlawan dan  
bukanlah pula hendak mencari perseteruan bahkan ialah  
kerana hendak menambah satu lagi roda kemajuan di dalam  
persuratan Melayu dan hendak merapatkan lagi silatulrahim  
di antara Qalam dengan orang-orang kenalan dan sahabat handai yang  
cintakan buku-buku keluaran syarikat Qalam serta hendak  
mencari sahabat-sahabat baharu supaya bertambah kuatlah kelak  
perdirian syarikat Qalam berkhidmat kepada agama, bangsa dan  
nusa. Juga kita berharap banyak di antara penulis-penulis  
dan sahabat-sahabat kita pengarang-pengarang yang selama ini mendiamkan  
dirinya diharap kelak akan menaburkan ilmu pengetahuan dan  
perasaan hati mereka itu di dalam majalah kita ini bagi  
memandu umat menuju kepada jalan kebahagiaan kepada tiga  
corak yang tersebut di atas tadi – agama, bangsa dan nusa.

Sidang pembaca yang dihormati, sedia maklum bahawa alam  
Melayu kita sekarang adalah sedang menempuh perubahan-perubahan

(sambungan pada muka 4)

## AGAMA DAN KESANNYA DI DALAM JIWA MANUSIA

(Oleh Abdullah Basmeh)

Apabila kita kupas akan punca yang menyebabkan kesusahan seorang manusia dan segala resah gelisahnya serta porak-peranda susunan hidupnya, maka kita akan dapatti adalah berasal dari kerana jahilnya terhadap Tuhanaya dan jahilnya terhadap dirinya sendiri atau lebih tegasnya kerana lemah imannya.

Biasanya manusia sentiasa diruntun oleh hawa nafsu dan kerana desakan ini ia akan berkedudukan serba salah di antara menyahut seruan hawa nafsu dan kelemahannya pada ketika hendak menghasilkan apa yang dituntut oleh hawa nafsu itu. Dari sini timbulah perasaan resah gelisah – serba dibuatnya serba tak kena.

Tetapi sekiranya ia telah mengetahui bahawa ia ada mempunyai

Tuhan yang Maha Kuasa yang telah mengaturkan alam ini, dan yang telah menyusun baginya undang-undang yang tidak boleh ditukar-ganti, kemudian ia cuba mempelajari akan undang-undang tersebut, nescaya ia akan dengan mudahnya akan mencapai kehidupan yang penuh dengan bahagia dan sejahtera.

Sungguh besar kesan agama di dalam membentuk jiwa manusia. Agama Islam telah mengangkat pemeluk-pemeluknya ke setinggi-tinggi mercu kemuliaan tatkala mereka mempelajarinya dan beramal dengannya. Pada zaman yang lampau, tatkala umat-umat Islam telah bersungguh-sungguh menjalankan perintah agama maka dapatlah mereka memerintah dunia ini dan meleburkan beberapa kerajaan yang besar yang hendak menghalang kemaraannya. Tidaklah mereka dapat mencapai kedudukan yang tersebut jika tidaklah kerana kuat iman mereka terhadap

---

(sambungan daripada muka 3)

yang besar di dalam lingkungan masyarakat, dalam lingkungan fikiran dan dalam lingkungan siasah dan di dalam perjalanan kita menempuh gelora perubahan-perubahan itu maka adalah kita berkehendak kepada panduan-panduan dan pimpinan yang baik. Jikalau baik panduan-panduan dan pimpinan-pimpinan itu, maka akan baiklah perubahan-perubahan itu- berfaedah, berguna dan memberi kebajikan kepada kita. Pada jurusan ini “Qalam” adalah akan menjadi daripada perkakas atau alat panduan dan pimpinan yang membawa kepada kebaikan dan kebajikan kita bersama iaitu kebaikan dan kebajikan dunia dan akhirat.

Kita dengan berterus-terang mengaku bahawa kita sendiri belum berpuas hati dengan penerbitan kita ini terutamanya oleh kerana kita menyusunnya di dalam bulan Ramadhan yang

tiap-tiap pembaca tentu maklum bagaimana kepayaan-kepayaan yang kita harap bagi menyempurnakannya. Oleh itu insya-Allah di dalam keluaran yang akan datang kita berusaha bersungguh-sungguh membaguskan lagi keadaan dan kandungan majalah kita yang dengan diharap kelak akan memuaskan pembaca-pembaca.

Kita berharap mudah-mudahanan usaha kita menerbitkan “Qalam” ini akan disambut dan akan disokong oleh pembaca-pembaca *al-muhtarimin* dan sebagai penutup “Qalam” dan kakitangannya mengucapkan Selamat Berhari Raya Aidilfitri – *Min `al-adīn Al-fāidzīn al-Maqbūlīn – Kullū `am wā antum bikhair* kepada pembaca-pembacanya semua kaum Muslimin alam Melayu khasnya dan dunia amnya.

*Allahuakhbar, Allahuakhbar, Allahuakhbar – Allahuakhbar walillah ilhamd.*